

62 kes jenayah seksual kanak-kanak didaftarkan

Kuala Lumpur: Sebanyak 62 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak sudah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya sejak mahkamah khas itu beroperasi 4 Julai lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, daripada jumlah itu, 11 kes sudah diselesaikan manakala 25 kes dalam sebutan dan 26 kes lagi masih dalam perbicaraan.

“Kes yang didaftarkan di bawah Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak akan diselesaikan atau dilupuskan dalam tempoh satu tahun dari tarikh ia didaftarkan di mahkamah tersebut,” katanya menjawab soalan Datuk Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) pada persidangan



AZALINA

Dewan Rakyat, semalam.

Azalina berkata, kerajaan bercadang untuk memperluas kewujudan mahkamah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual melibatkan kanak-kanak ke seluruh negara secara berperingkat.

Pada masa ini, Mahkamah

Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak pertama yang ditubuhkan di Malaysia dan di Asia Tenggara itu mendengar dan memutuskan kes-kes yang berlaku di daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Mengenai kemudahan di mahkamah itu, Azalina berkata, ia dilengkapi dengan prasarana khusus seperti *Court Recording Transcription (CRT)*, sistem audio visual dan bilik saksi kanak-kanak serta bilik menunggu saksi kanak-kanak (Bilik Permata).

“Prasarana khusus ini amat penting demi membantu prosiding perbicaraan di mahkamah khas tersebut agar dapat memastikan perbicaraan dan pendengaran kes dijalankan dengan cepat dan berkesan,” katanya.